

Banjir di pantai timur

Menunggu air surut

FAKTA
Beberapa
kampung
masih
belum pulih

>>Oleh Mohd Fitrie Muhamad
am@hmetro.com.my

TUMPAT: Biarpun banjir di negeri ini mulai surut, beberapa kawasan perumahan dan sekolah sekitar daerah masih ditenggelami air sehingga 2.5 meter.

Malah, ada penduduk yang terputus hubungan apabila jalan di kawasan perumahan mereka tidak dapat dilalui akibat ditenggelami banjir.

Tinjauan Harian Metro mendapati, terdapat rumah penduduk di beberapa kawasan dikosongkan.

Antara kampung yang ma-

sih tenggelam ialah Kampung Simpangan, Kampung Jejuluk dan Kampung Kubang Bemban.

Keadaan sama juga dapat dilihat di Sekolah Kebangsaan (SK) Simpangan yang sehingga kini ditutup berikutan semua empat blok bangunan sekolah dinaiki air.

Ia berikutan kawasan itu menerima limpahan Sungai Golok di Rantau Panjang yang mengalir ke Sungai Mentuan sejak kelmarin.

Penduduk Kampung Simpangan, Mek Keput Eh Boon, 36, berkata, keadaan itu sama seperti yang dilalui tahun sebelum ini.

Katanya, dia begitu bimbang keselamatannya dan keluarga kerana arus yang begitu deras sehingga boleh mendatangkan bahaya kepada mereka.

Pengawal keselamatan SK Simpangan, Fauzi Awang Chik, 46, berkata, sekolah itu sentiasa terdedah kepada banjir setiap kali musim tengkujuh.

Katanya, sekolah berkenaan ditenggelami air sedalam kira-kira 0.5 meter.

“Sudah menjadi kebiasaan, setiap kali musim banjir, sekolah ini akan dilimpahi air banjir dari Sungai Golok di Rantau Panjang,” katanya.



TENGGELOM...SK Simpangan masih belum dapat memulakan sesi persekolahan selepas dilimpahi air banjir sejak seminggu lalu.

1,000 anggota JPAM sentiasa siap sedia

KUALA LUMPUR: "Setiap tahun kami memang sentiasa bersedia lebih awal, malah 1,000 anggota disenaraikan di kawasan banjir dan berisiko," kata Ketua Pengarah, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Datuk Abdul Halim Abdul Hamid.

Beliau berkata, hampir setiap tahun negara berdepan musibah bah besar di beberapa negeri, membuatkan pihaknya sudah terbiasa dan sentiasa berwaspada dengan menempatkan kira-kira 1,000 anggota untuk berkaual.

"Persediaan ini termasuklah kelengkapan penting yang perlu sepanjang operasi menyelamat, terutama bot dan lori lima tan.

"Kami sudah mengeluarkan arahan kepada (JPAM) daerah agar 'alert' dengan amaran bencana ini," katanya pada sidang media di ibu pejabat JPAM, di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JPAM, Selamat Dahalan dan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Kamaruddin Abd Ghapar.

Menjelang lanjut, Abdul Halim berkata, bagi amaran banjir di bawah paras tiga atau dikelaskan merah iaitu amaran bahaya, hanya 10 lori lima tan dan 10 bot akan digunakan untuk memindahkan mangsa, berbanding lebih 15 buah bagi setiap kenderaan jika keadaan teruk.



Persediaan ini termasuklah kelengkapan penting yang perlu sepanjang operasi menyelamat, terutama bot dan lori lima tan"

>Datuk Abdul Halim Abdul Hamid
Ketua Pengarah JPAM

"Banjir ketika ini masih di bawah paras merah, tapi sekiranya mencecah tahap bahaya, kami akan menambah kemudahan lori dan bot dari pejabat JPAM negeri yang lain," katanya.

Selain itu, JPAM mempunyai 69 pejabat di daerah tertentu di seluruh negara, dan pihaknya akan berusaha menambah 89 lagi tahun ini

dalam usaha memastikan setiap daerah mempunyai pejabat JPAM.

"Kami tidak mahu apabila orang ramai hubungi 999 untuk minta bantuan, kami terpaksa memberitahu yang kami tidak ada pejabat pertahanan awam di daerah berkenaan," katanya.

Justeru, beliau memberitahu akan terus memperkasa kempen menambah keahlian JPAM di seluruh negara dengan sasaran tambahan sebanyak 200,000 ahli lagi menjelang hujung tahun ini, berbanding ketika ini hanya seramai 178,204 anggota yang terlatih.

Katanya, keperluan menambah keahlian sejajar hasrat kerajaan yang mahu menggalakkan aktiviti sukarelawan di kalangan masyarakat, malah turut dimulai di peringkat sekolah menengah menerusi penubuhan Kadet Pertahanan Awam (KAPA) dengan kekuatan 45,010 ahli setakat ini.

Menurutnya lagi, sejak menandatangani Keahlian Tetap pertubuhan International Civil Defence Organisation (ICDO), 7 Mei 2010 membolehkan langkah mengantarabangsakan JPAM dilaksanakan mengikut 15 teras dan peranan pertahanan awam.

"Ini termasuk memberi amaran awam, melaksanakan evakuasi atau perkongsian, mengurus pusat perlindungan, mengurus langkah dalam terputus bekalan dan tenaga," katanya.